

Bicara 'Perpaduan Rakyat: Semakin Ampuh atau Rapuh?'

Asas integrasi punca perpaduan tak kukuh

Pembentukan Malaysia bukan berasas asimilasi, tiada kerukunan antara kaum

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Bangi: Malaysia satu-satunya negara di Asia Tenggara yang dibentuk berasaskan integrasi dan bukannya asimilasi, sekali gus menyebabkan perpaduan dalam kalangan rakyatnya yang berbilang bangsa masih tidak kukuh.

Pandangan itu disuarakan Felo Utama Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Teo Kok Seong yang turut berpendapat, perpaduan di negara kita juga tidak berkembang sejak mencapai kemerdekaan 62 tahun lalu.

Bellau mendakwa, berbanding negara serantau seperti Indonesia dan Thailand yang dibentuk berasaskan asimilasi, tidak ada kerukunan antara kaum di Malaysia dan wujud situasi saling tidak menyokong antara satu sama lain.

"Walaupun negara kelihatan bersatu kerana tiada huru-hara, jika ditinjau hubungan etnik di Semenanjung, tidak ada kerukunan antara kaum dan saling tidak menyokong antara satu sama lain.

"Perpaduan negara masih pada tahap sosial di mana terdapat defisit kepercayaan antara kaum. Wujud pergaulan contohnya pada majlis formal, tetapi tiada interaksi, selain tahap perkenalan dua pihak (kaum) adalah pada permukaan saja," katanya.

Bellau berkata demikian ketika menjadi ahli panel Bicara Persada Ke-53 anjuran KITA, bertajuk 'Perpaduan Rakyat: Semakin Ampuh atau Rapuh?' di UKM di sini, semalam.

Ahli panel lain ialah Pengarah KITA, Profesor Ulung Datuk Dr

Shamsul Amri Baharuddin; Setiausaha Agung Kehormat Harmony Malaysia, Prematilaka KD Serisena dan pelajar Fakulti Sains dan Teknologi UKM, Divagar Siva.

Kok Seong berkata, melalui asas integrasi, pelbagai kaum boleh hidup dengan cara berbeza, manakala asas asimilasi menyaksikan rakyatnya tidak boleh berbeza dan perlu menjadi satu dalam kehidupan nasional.

"Inilah tahap dan sifat kita kerana integrasi adalah usaha perpaduan yang membolehkan semua terus hidup berbeza walaupun pada tahap negara (peringkat nasional). Jadi, kita tidak boleh dibandingkan dengan Indonesia terutama dari segi jati diri," katanya.

Bellau juga mendakwa, pelbagai inisiatif dilancarkan kerajaan ke arah perpaduan rakyat, antaranya bahasa Malaysia sebagai bahasa perpaduan, Rukun Negara, Wawasan 2020 dan Gagasan 1Malaysia, semua dilihat

Walaupun negara kelihatan bersatu kerana tiada huru-hara, jika ditinjau hubungan etnik di Semenanjung, tidak ada kerukunan antara kaum

Teo Kok Seong,
Felo Utama Institut Kajian Etnik
Universiti Kebangsaan Malaysia



tidak menjadi.

"Jadi, kita ada masalah di sini. Kita perlu lihat semula, mungkin kita gagal dalam aspek pembentukan negara bangsa," katanya.

Sementara itu, Pengarah Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Ulung Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin, berkata setiap kaum di negara ini mempunyai harapan dan impian berbeza, akan berasa tertinggal dan tidak terbabit dengan perpaduan jika mereka tidak diberi perhatian.

Bellau berkata, perkara itu menyebabkan persepsi mengenai perpaduan bertukar mengikut keadaan peribadi.

"Ini sekali gus menyebabkan perpaduan yang diidamkan dalam kalangan rakyat sukar di-

capai. Perpaduan perkara yang sering dibincangkan, bermakna ia sangat kita idamkan. Perpaduan sangat penting dan kita perlu sentiasa ingatkan diri kita mengenainya.

"Bagaimanapun, mengapa perpaduan sukar dicapai? Ia kerana ada benda yang kita tidak setuju dan ada yang setuju. Jika tidak setuju, digunakan media sosial sebagai ruang dan realiti inilah yang membendung hidup kita," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Agung Kehormat Harmony Malaysia, Prematilaka KD Serisena, berkata semua pemimpin agama perlu mengotakan apa yang dikatakan dan membantu semua yang memerlukan tanpa mengira agama dan bangsa.